

**PELAKSANAAN LOCAL AGENDA 21 DAN SISTEM  
PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN SEMASA DI MAJLIS  
PERBANDARAN KUANTAN: SUATU PERBANDINGAN**

**NUZULNISA BINTI BARUDIN @ KAMARUDIN**

**Tesis ini dikemukakan  
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
Penganugerahan ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**SEPTEMBER 2002**

## *Abstrak*

Pembangunan mampan merupakan satu paradigma baru yang telah diperkenalkan semasa persidangan Puncak Bumi di Rio pada tahun 1992, melalui dokumen Agenda 21. Ia menekankan kepada isu-isu persekitaran dan turut memberi penekanan terhadap keseimbangan bagi dimensi sosial dan juga ekonomi. Semenjak itu, konsep kemampanan telah menjadi satu halatuju baru dalam sistem perancangan dan pembangunan bandar di seluruh dunia.

Memandangkan kerajaan di peringkat tempatan merupakan pentadbir yang paling rapat dengan masyarakat, maka Program Local Agenda 21 (LA 21) telah diperkenalkan dengan memperkenalkan pendekatan dan membuka peluang terhadap penyertaan masyarakat di dalam setiap peringkat dan proses perancangan dan pembuatan keputusan, seterusnya bersama-sama dalam melaksanakan tindakan, untuk kepentingan generasi kini dan akan datang. Namun dalam masa yang sama, sistem perancangan dan pembangunan bandar semasa telahpun diamalkan di kawasan kajian (MPK). Sistem sediaada ini juga mempunyai halatuju kepada pembangunan mampan. Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini akan melihat kepada potensi kedua-dua rangka kerja dalam membantu MPK meningkatkan kualiti hidup dan persekitaran melalui pelan tindakan yang tersendiri.

Penyelidikan ini meliputi suatu inventori terhadap konsep, prinsip, proses dan wawasan kerja bagi setiap rangka kerja. Di samping itu, inventori ini akan membantu dalam membuat perbandingan bagi setiap rangka kerja, termasuk juga perbandingan dengan pelaksanaan LA 21 Fasa Pertama yang telah berlangsung selama dua tahun (2001-2002) di empat buah tapak perintis di Malaysia. Daripada analisis yang dijalankan, Program LA 21 yang telah diperkenalkan ini berupaya dalam menghasilkan tindakan-tindakan yang memenuhi kehendak dan keperluan penduduk setempat melalui Pelan Tindakan yang dinamik disamping ia menekankan kepada pendekatan penyertaan awam dan perkongsian. Ini telah dibuktikan oleh keempat-empat buah tapak perintis yang terlibat dalam Fasa Pertama, seterusnya pelancaran Fasa Kedua di empat puluh buah PBT pada 11 Jun 2002.

Seterusnya, satu rumusan yang menyatakan pandangan dengan alasan dan bukti yang konkrit telah dihasilkan bagi mengesyorkan MPK melaksanakan dan meneruskan Program LA 21 Kuantan kerana ia didapati berpotensi dan mampu menghasilkan satu bentuk perancangan yang menyeluruh dan berkesan, berdasarkan hasil analisis yang telah diperolehi melalui teknik-teknik perbandingan yang telah dijalankan. Kajian lanjutan turut disertakan bagi menggalakkan kajian yang lebih terperinci lagi terhadap Program LA 21 dan sistem perancangan dan pembangunan bandar semasa, bersama-sama dengan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (*Environmental Management Plan*), iaitu satu alat yang membantu dalam membuat penilaian terhadap kesan alam sekitar.

### *Abstract*

Sustainable development was a new paradigm introduced during the Rio Earth Summit in 1992 through Agenda 21. It emphasizes environmental issues as well as balance for social and economic dimensions. Ever since then, the concept of sustainability has become a new goal in town planning and development system throughout the world.

As the local government is the closest administrator of the community, so the Local Agenda 21(LA 21) has been introduced by allowing community participation at every level and the planning and decision making process. Continuing in carrying it out in the interests of present and future generation. Although at the same time, current town planning and development is already in practice in research area (MPK). The present system is also geared towards sustainable development. Therefore this research will look in the potential of both framework in helping MPK increase the quality of life and environment via their own action plan.

This research covers the concept, principle, processes, work level and issues for every framework. Aside from that, this inventory will assist in comparing each framework including the application of LA 21 Phase 1 carried out for two years (2001-2002) in four pioneer sites in Malaysia. From the analysis, the LA 21 Program has produced actions that fulfills the requirements and needs of the local population through a dynamic action plan as it emphasizes community participation and sharing approach. This has been proven in all four pioneer sites involved in phase one and the launch of Phase Two in 40 PBT on the 11th June 2002.

A conclusion stating with concrete evidence and reason has been produced to recommend that MPK continue to carry out Program LA 21 Kuantan. This is because it has been discovered capable of producing a holistic and effective form of planning according to the analysis procured via comparative techniques carried out. Further research is included to encourage more detailed research of Program LA 21 and current town planning and development system along with Environmental Management Plan, which is another tool in helping evaluate environmental effect.